

Salut atap asbestos elak bahaya

Pekan: Atap asbestos bangunan Sekolah Kebangsaan (SK) Indera Shahbandar, di sini, dicat dengan salutan khas oleh sukarelawan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dalam usaha mengurangkan bahaya pelajar terdedah kepada bahan itu.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin berkata, sekolah berkenaan adalah sekolah pertama terpilih menerima sumbangan syarikat ECO24 dari Jepun dalam bentuk bahan salutan khas iaitu Ecobest yang digunakan untuk menyalut atap asbestos menerusi program khidmat sosial itu.

“Murid sekolah berkenaan dan mahasiswa UMP turut didedahkan mengenai bahaya asbestos terhadap kesihatan mereka.

“Ini kerana pendedahan kepada partikel asbestos boleh menyebabkan risiko penyakit berkaitan asbestos seperti mesothelioma, kan-



DR Yuserrie (empat kiri) merasmikan Program CSR Rasa Kasih UMP dan ECO24 di SK Indera Shahbandar, Pekan.

ser paru-paru dan asbestosis,” katanya ketika ditemui dalam program Rasa Kasih UMP dan ECO24 di sekolah itu, di sini, kelmarin.

Hadir sama, Pengarah Urusan UMP Holdings Sdn Bhd (UMPH) Syed Mohamad Hamzah Al-Junid Syed Abdul Rahman dan Pengarah Urusan ECO24 Kiyotaka Osada.

Katanya, penggunaan salutan Ecobest ke atas atap asbestos adalah inisiatif bagi menggalakkan penggunaan aplikasi teknologi terkini melalui kaedah *coating* mesra alam dan terbukti berkesan dalam menyelesaikan masalah partikel asbestos terbang ke udara.

“Ia sekali gus menjamin kesihatan murid yang ber-

ada di kawasan berdekatan daripada terhidu partikel asbestos yang berterbangan di udara.

“Penggunaan Ecobest yang diperkenalkan di SK Indera Shahbandar boleh membantu mempercepatkan penyelesaian masalah berkaitan asbestos berbanding kaedah menanggalkan asbestos,” katanya.